

# Krisis Koperasi Pengambil Deposit, 1986


## The Deposit-taking Co-operative (DTC) Crisis, 1986



**Apa itu Koperasi Pengambil Deposit (KPD)?**  
*What is a Deposit Taking Co-operative (DTC)?*

Pergerakan koperasi pada awalnya diperkenalkan di Malaya sebagai satu cara untuk menangani masalah keberhutangan dalam kalangan petani dan kumpulan berpendapatan rendah.

*The co-operative movement was initially introduced to Malaya as a means to address the problem of indebtedness among farmers and other low-income groups.*



**Apa yang telah terjadi?**  
*What went wrong?*

Sehingga tahun 1970-an, kebanyakan koperasi adalah kecil dan terlibat dalam aktiviti saling membantu seperti pinjaman pengguna, memandangkan penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar mempunyai akses yang terhad kepada bank perdagangan. Untuk memudahkan urusan ini, koperasi diberi hak untuk mengambil deposit, yang dipanggil sebagai 'peminjaman' oleh Akta Pertubuhan Koperasi, daripada ahli dan bukan ahli sekiranya undang-undang kecil koperasi tersebut membenarkannya dan mendapat kelulusan daripada ketua pendaftar Jabatan Pembangunan Koperasi.

Aktiviti pengambilan deposit oleh koperasi berkembang pesat selepas itu. Ahli perniagaan dan ahli politik memulakan koperasi dan menubuhkan cawangan untuk dijadikan sebagai pusat pengumpulan deposit. Pendaftar ditawarkan kadar faedah yang tinggi dan perkhidmatan secara peribadi. Mereka mengambil kesempatan atas kelemahan dan kekaburan dalam Akta Pertubuhan Koperasi, serta pemeriksaan yang kurang teliti oleh ketua pendaftar. Contohnya, koperasi tidak memerlukan kebenaran ketua pendaftar untuk memberikan pinjaman kepada subsidiari, memadai dengan memaklumkan kepadanya sahaja.

*Until the 1970s, cooperatives were mostly small and engaged in mutual help activities such as consumer loans, as those living in rural areas had little access to commercial banks. To facilitate this, the cooperatives were entitled to take deposits - termed 'borrowings' by the Co-operative Societies Act - from members and non-members if their by-laws permitted it and they had the approval of the registrar-general of the Department of Co-operative Development.*

*Deposit-taking activities by co-operatives grew rapidly thereafter. Businessmen and politicians initiated co-operatives and established branches to serve as deposit-collecting centres. Depositors were lured by high interest rates and personalised service. Weaknesses and loopholes in the Act, and loose inspection by the registrar-general, were exploited. For example, co-operatives did not need approval from the registrar-general to extend loans to subsidiaries, it was enough to notify him.*



**1** Seorang penunjuk perasaan/pendeposit ditahan berdekatan Bank pada 18 Januari 1987  
*A demonstrator/depositor arrested next to the Bank on 18 January 1987*

**2** Pendeposit koperasi Sakapp dan Kosatu di luar bangunan ibu pejabat Bank Negara Malaysia, sekitar bulan November 1986  
*Depositors of the Sakapp and Kosatu co-operatives outside Bank Negara Malaysia's head office, c. November 1986*

**3** Laporan siasatan rasmi yang diterbitkan pada tahun 1986  
*The official investigation report published in 1986*

**4** Pendeposit berbaris untuk mendapatkan kembali wang mereka, sebelum bulan Jun 1987  
*Depositors queuing up for refunds, circa pre-June 1987*

# Bank Menyelia Industri Insurans, 1988

## The Bank Supervises the Insurance Industry, 1988

Peranan Bank Negara Malaysia sebagai pengawal selia diperluas apabila Bank diberikan tanggungjawab untuk menyelia industri insurans dan mengambil alih peranan Ketua Pengarah Insurans. Sebelum itu, industri insurans berada di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Industri ini diletakkan di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia untuk menggalakkan pembangunannya sebagai satu daripada komponen utama sistem kewangan dan juga untuk memastikan bahawa industri ini diselia seiring dengan industri kewangan yang lain.

*The Bank's supervisory role was broadened when it took on the supervision of the insurance industry and assumed the functions played by the Director General of Insurance, Ministry of Finance. It was brought under the ambit of Bank Negara Malaysia to foster its development as a key component of the financial system and to ensure that it was supervised together with the rest of the financial industry.*

# Penubuhan Muzium Matawang, 1989

## Establishment of Money Museum, 1989



Muzium Matawang dirasmikan oleh Y.A.B. Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali pada 5 April 1989. Muzium ini dahulunya terletak di Ibu Pejabat Bank dan dibuka untuk lawatan tanpa bayaran

*The Money Museum was officiated by Y.A.B. Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali on 5 April 1989. The museum was located at the Bank's Headquarters and open for public viewing without any charges*

Dengan pembukaan Muzium Matawang, rancangan untuk memiliki depositori teruluan dalam pengumpulan numismatik di Bank telah menjadi kenyataan. Ia mempamerkan perkembangan duit syiling, wang kertas serta barangan yang pernah dijadikan mata wang dari pelbagai era dalam sejarah. Muzium Matawang telah ditutup pada pertengahan tahun 2007 dan dibuka semula sebagai Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia di Sasana Kijang pada tahun 2011.

*The plan to have an authoritative depository for the Bank's growing numismatic collection became a reality with the opening of Money Museum. The museum showcases development of coins, banknotes and other monetary items from the various eras of history. The Money Museum was closed in mid-2007 and subsequently reopened as the Bank Negara Malaysia Museum and Art Gallery in Sasana Kijang in 2011.*



Duit syiling pertama yang diperolehi oleh Bank ialah duit syiling Kesultanan Johor yang dikeluarkan oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah  
*The first coin acquired by the Bank was the Johor Sultanate coin issued by Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah*